

# Perkasa tenaga akademik

BANDAR SERI BEGAWAN, 22 Mei - Bagi meningkatkan kualiti, teknik dan strategi pengajaran yang boleh diamalkan melalui kaedah pengajaran terkini, Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) telah mengadakan Bengkel Memperkasa Tenaga Akademik UNISSA 2016.

Bengkel yang disertai kira-kira 78 orang peserta terdiri daripada tenaga akademik itu diadakan selama tiga hari bermula dari 17 hingga 19 Mei di Auditorium, UNISSA dan dikendalikan oleh Timbalan Dekan Kuliyyah Ilmu Wahyu dan Sains Kemanusiaan, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM), Profesor Madya Dr. Abdul Rahman bin Chik.

Hadir selaku tetamu kehormat ialah Rektor UNISSA, Dr. Haji Norarfan bin Haji Zainal dan seterusnya menyampaikan

sijil penyertaan kepada para peserta.

Selain memperkasakan tenaga akademik, bengkel ini diadakan ialah untuk memurnikan rangka kursus dengan memfokuskan terhadap hasil pembelajaran setiap kursus, kaedah pengajaran, strategi pengajaran dan pembelajaran serta penilaian.

Bengkel ini juga diadakan bagi membincangkan dan mengenal pasti permasalahan yang timbul dalam pelaksanaannya dan mencari jalan penyelesaian yang berkesan.

Selain itu, ia juga diharapkan membantu semua yang terlibat dalam meningkatkan strategi pengajaran bagi melahirkan graduan cemerlang, berkualiti serta berkemahiran dalam setiap bidang yang diceburi.



Dr. Haji Norarfan bergambar ramai bersama peserta dan tenaga akademik perempuan selepas Bengkel Memperkasa Tenaga Akademik UNISSA 2016.

## UNISSA anjur taklimat kerjaya 'Temu duga'



BANDAR SERI BEGAWAN, 22 Mei - Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) menerusi Unit Perkhidmatan Kaunseling dan Bimbingan Kerjaya, Bahagian Hal Ehwal Pelajar, semalam, telah mengadakan taklimat kerjaya 'Temu duga' yang dikhaskan bagi bakal graduan yang akan menceburii bidang pekerjaan selepas menamatkan pengajian.

Menurut kenyataan UNISSA, antara objektif taklimat tahunan yang berlangsung di Auditorium UNISSA itu adalah sebagai persiapan dan pendedahan kepada bakal graduan mengenai cara

**KIRI:** Dekan Pelajar menyampaikan cenderahati kepada Haji Syed Yassin.

**BAWAH:** Antara yang menghadiri taklimat kerjaya 'Temu duga' UNISSA.



Dr. Haji Norarfan (empat, kanan) bersama tenaga akademik lain bergambar ramai selepas bengkel tersebut.

## Mantapkan akidah dan kerohanian bakal graduan



Dr. Haji Noralizam semasa sidang media mengenai Program Kemantapan Akidah dan Kerohanian bagi semua bakal graduan KUPU SB.

BANDAR SERI BEGAWAN, 22 Mei - Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB) akan mengadakan Program Kemantapan Akidah dan Kerohanian bagi semua bakal graduan KUPU SB pada tahun ini.

Program ini akan dikendalikan bersama oleh Bahagian Pentadbiran KUPU SB dan Bahagian Hal Ehwal

untuk memohon pekerjaan dan menghadiri temu duga, serta mengongsikan tip-tip apa yang perlu dilakukan sebelum, semasa dan selepas menghadiri temu duga.

Selain itu, ia juga diadakan untuk membantu menambah sumber pendapatan dengan memahami lebih mendalam mengenai bidang keusahawanan.

Dalam taklimat itu, Dayang Norhazirah bin Haji Ismail dari Bahagian Pengambilan Pejabat Suruhanjaya Perkhidmatan Awam telah mengongsikan mengenai jenis iklan yang sesuai dipohon oleh para graduan iaitu iklan 7(a).

Selain itu, perkara yang perlu diambil berat semasa memohon jawatan kosong seperti memastikan tarikh tutup iklan yang dipohon dan perkara yang perlu dilakukan sebelum temu duga iaitu membuat penyelidikan terlebih dahulu mengenai jawatan yang dipohon sebelum masuk menduduki temu duga.

Wakil dari Jabatan Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Awang Mohd Shami bin Halim Shah pula menekankan kepada bakal graduan UNISSA untuk tidak terlalu bergantung kepada pihak kerajaan kerana saingan untuk mendapatkan pekerjaan di pihak kerajaan adalah amat sengit.

Seterusnya, Yang Di-Pertua Persatuan Alumni UNISSA, Haji Mohammad Syazwan Nizar bin Haji Mat Zain turut mengongsikan pengalaman beliau yang

Pelajar dengan kerjasama semua fakulti dan Pusat KUPU SB.

Semasa sidang media kelmarin, Dekan Pelajar KUPU SB, Dr. Haji Noralizam bin Haji Aliakbar menjelaskan, program berkenaan akan diisikan dengan bengkel, ceramah, tazkirah serta zikir, bagi pengukuhan akidah dan kerohanian bakal graduan yang diharapkan akan menjadi seorang pendidik yang berakhlaq dan berilmu dengan berpegang kepada ajaran Akidah Ahli Sunnah Wal-Jama'ah.

Menurut beliau, antara objektif program adalah untuk membentuk sahsiah pelajar ke arah kecemerlangan insan yang bertakwa dan melahirkan sikap positif dan ketabahan dalam menghadapi cabaran hidup sebagai seorang pendidik.

Di samping itu, melahirkan seorang pendidik yang berwibawa serta menjadi contoh tauladan (role model) serta mempersiapkan diri dalam menjalankan tugas sebagai pendidik untuk berhadapan dengan masyarakat.

Program Kemantapan Akidah dan Kerohanian Bakal Graduan KUPU SB 2016 ini akan dirasmikan pada 17 Syaaban 1437H bersamaan dengan 24 Mei 2016 dan bakal dijalankan selama tiga hari berturut-turut.

menurutnya sebelum bekerja dengan pihak kerajaan, beliau menimba ilmu dan pengalaman dengan bekerja di sektor swasta.

Semasa temu duga bagi jawatan kerja kerajaan, pengalaman bekerja beliau inilah yang banyak membantu dan mencerahkan lagi peluang beliau diambil untuk bekerja dengan pihak kerajaan.

Selain itu, sepanjang tempoh mencari pekerjaan, beliau mengamalkan solat Sunat Hajat setiap malam dan solat Sunat Duha setiap pagi untuk membuka pintu rezeki beliau.

Turut mengongsikan pengalaman dan pengetahuan ialah Pengasas Battle Pro Group, Haji Syed Yassin bin Haji Syed Anayatullah Shah, yang mana beliau mengajak para beliau termasuk bakal graduan untuk berdikari tanpa mengharapkan pihak kerajaan dalam mencari mata pencarian dengan membuka perniagaan sendiri.

Antara tip yang dikongsikan oleh beliau untuk memulakan perniagaan, mulakan dengan apa yang kita ada seperti ilmu, kemahiran dan model seadanya.

Ini kerana beliau sangat berpegang kepada pepatah 'Man Jadda, Wa Jadda' erti-nya sesiapa yang berusaha (Insy-A Allah) akan mendapat apa yang diusahakannya.

Sesi taklimat diakhiri penyampaian cenderahati kepada penceramah undangan serta bacaan Surah Al-Asr beramai-ramai.